

30 NOV 2002

PENGERUSI BARU TNB AKAN DIUMUMKAN TIDAK LAMA LAGI

LANGKAWI, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengerusi baru Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan diumumkan tidak lama lagi.

"Calonnya telah ada dan dikenal pasti," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai perkara itu semasa melawat perkhidmatan kereta kabel di Telok Burau di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh beritahu sekarang... saya perlu melakukannya mengikut peraturan dan secara rasmi."

Kekosongan jawatan pengerusi TNB itu adalah berikutan pelantikan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini.

Projek kereta kabel bernilai RM46 juta itu mula beroperasi pada awal bulan ini. Ia menghubungkan kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708m.

Projek itu merupakan usahasama antara Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

-- BERNAMA

NH RHM